

### D.Y.M.M. RASMIKAN KURSUS PEGAWAI2 DAN GURU2 UGAMA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menyampaikan titah dan seterusnya merasmikan pembukaan Kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama kali yang ke-lapan di-Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah, Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas. (Titah Baginda sa-penoh-nya di-siarkan di-muka 4).

Di-majlis itu Duli Yang Maha Mulia juga telah menyampaikan sijil2 kepada 40 orang guru2 Uagama lelaki dan perempuan yang telah lulus peperiksaan perguruan yang di-adakan dalam tahun lepas.

Terdahulu dari itu, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama, Yang Amat

Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin Al-Haj telah menyampaikan ucapan menjunjung kasih atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia ka-majlis itu.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama itu menegaskan bahawa kursus yang di-adakan kali ini banyak perubahan dan pembaharuan dan ia-nya lebih baik dari kursus yang pernah di-adakan tahun2 yang lalu.

Yang Amat Mulia berkata, kursus kali ini akan mengadakan Darjah Ulangkaji dalam beberapa mata pelajaran yang di-bahagikan kepada beberapa kelas atau bilek darjah.

(Lihat Muka 8)



### Kerajaan sedang berusaha bagi menggalakkan penubuhan perusahaan ringan — SUK

BANGKOK. — Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail berkata, kerajaan sedang berusaha keras untuk menchari jalan bagi menggalakkan penubuhan perusahaan ringan yang sesuai bagi mempelbagaikan ekonomi negeri ini.

Beliau berkata bagi tujuan ini, kerajaan telah chuba mendapatkan perkhidmatan sa-orang Penasehat Perusahaan bagi menentukan perusahaan2 ringan yang sesuai di-ujudkan di-Brunei.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan telah menyatakan perkara ini, semasa beruchap di-sidang tahunan ECAFE di-Bangkok, yang di-hadhiri oleh menteri2 kabinet dan pakar2 kanan ekonomi, dari semua 27 buah negara anggota, dan tiga buah negara anggota bergabung.

Menyentuh tentang perusahaan2 yang terdapat sekarang di-Brunei, beliau berkata, ada terdapat penambahan yang terus menerus dalam penghasilan minyak mentah yang mana pukul rata ada-lah 125,000 tongsa-hari, dan ini

(Lihat Muka 8)



Pg. Dato Paduka Momin

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di - Pertuan sedang menyampai k a n sijil kepada salah sa-orang guru u g a m a p e r e m p u a n yang telah lulus peperiksaan perguruan pada tahun lepas.

### MASHUARAT AGONG PGGMB

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah akan merasmikan Mashuarat Agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada hari Juma'at 24 April ini.

Majlis pembukaan rasmi mashuarat agong kali yang ke-21 itu akan di-langsungkan di-Dewan Bangunan PGGMB, Bandar Brunei mulai jam 9.15 pagi.

### D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan sampaikan cheramah khas dalam Kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah berangkat ka-Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah di-Bandar Brunei malam Ahad lepas untuk menyampaikan cheramas khas kepada 300 orang pegawai2 dan guru2 u g a m a yang sedang menjalani kursus di-sekolah itu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang me-

nyampaikan cheramah lebih dari satu jam itu antara lain telah menimbulkan mengenai pelajaran, keamanan negeri kemakmoran, kemasharakatan, dan tugas2 guru sabagai pendidik.

Dalam cheramah itu juga Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah menyeru kepada semua raayat dan penduduk negeri ini supaya jangan terpengaruh oleh anasir2 jahat yang boleh merosakkan keamanan, ketenteraman dan kesentosaan yang sedang di-nikmati oleh semua lapisan raayat di-negeri ini.

Terdahulu dari itu Pengetua Pe-

gawai Hal Ehwal Uagama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin Al-Haj juga telah memberi ucha-p an.

Di-antara yang hadir di-majlis itu termasuk-lah Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

## Gerakan membersehh kawasan bandaran

**BANDAR BRUNEI.** — Pekerja2 pembersehh Lembaga Bandaran Bandar Brunei, mulai minggu lepas telah membuat serbuan sa-chara mengejut ka-atas kawasan di-sekeliling bangunan2, rumah2 pangsa dan rumah2 kerajaan di-beberapa bahagian di-Bandar Brunei, bagi menentukan kebersehan di-situ.

Tindakan itu ada-lah sa-bagai meneruskan kempen yang di-lancharkan oleh lembaga itu dalam bulan Mach lalu, bagi menjaga kebersehan bandar.

Sa-orang juruchakap lembaga itu berkata, kebanyakan bangunan itu terdapat kekotoran dan tin2 kosong di-sana sini, dan longkang2-nya berbau busok dan ayer2 yang bertakong di-dalam tin2 kosong membiakkan nyamok.

Juruchakap itu berkata, tuan2 punya rumah telah pun di-berikan surat2 notis supaya membersehh kawasan rumah mereka tetapi mereka enggan mengambil sebarang langkah yang menurut peratoran2 itu.

Lembaga Bandaran tersebut akan terus menjalankan tindakan mengejut ka-atas kawasan2 bangunan di-kawasan bandaran, sesuai dengan peratoran2 kebersehan bandar.

Pekerja2 pembersehh itu telah di-arahkan supaya merobohkan reban2 ayam, kandang2 babi dan memusnahkan tanaman2 yang tidak di-ingini seperti nenas, tebu dan ubi kayu di-kawasan bandaran.

D u a orang pekerja Jabatan Bandaran sedang menebang pokok2 pisang.



## Jangan letakkan lori2 di-atas tambatan kastam

**BANDAR BRUNEI.** — Pemangku Pengawal Kastam dan Bea, Awang Haji Abdul Aziz Umar telah meminta kerjasama tuan2 punya lori supaya jangan meninggalkan lori2 mereka di-bahagian depan tambatan Bandar Brunei untuk memudahkan kerja memunggah barang2 dari kapal2 ka-gudang. Beliau berkata, lori2 yang di-tinggalkan di-tambatan itu menghalang kelichinan perja-

lanan kenderaan2 yang membawa masak atau keluar barang2 dari kawasan tambatan itu.

Awang Haji Abdul Aziz berkata, tambatan bukan-lah tempat penarohan bagi lori2 atau lain2 kenderaan dan tidak satu pun boleh di-letakkan di-sana pada bila2 masa pada siang hari atau malam.

Beliau berkata, lori2 dan lain2 kenderaan hanya akan di-benarkan masuk ka-kawasan tambatan itu bagi mengangkut barang2 masuk atau keluar dari tambatan itu.

Awang Haji Abdul Aziz menyatakan bahawa dua buah bangunan bekas gudang beras di-sebelah barat bangunan kastam itu yang telah di-jadikan tempat simpanan barang2 tidak lama lagi akan dapat digunakan.

Sa-buah lagi gudang di-sebelah timur bangunan itu akan siap untuk di-gunakan bagi tempat simpanan barang2 kira2 dalam bulan depan.

## Belia2 di-seru jaga keamanan

**BANDAR BRUNEI.** — Timbalan Yang Di-Pertua Majlis Belia Belia Negeri Brunei, Awang Jaya bin Abdul Latif telah menyeru kepada anggota persatuan2 belia di-negeri ini supaya menjaga keamanan dan keharmonian dan menjalankan tanggung jawab mereka kepada raayat dan negara.

Awang Jaya membuat seruan itu, ketika beliau merasmikan pembukaan mashuarat agong Persatuan KEMUKA, Kampong Burong Pingai Ayer pada hari Juma'at lepas.

Selain dari itu, tegas beliau, tanggung jawab belia ia-lah menghormati undang2 dan menjalankan kegiatan2 mereka selaras dengan perlembagaan persatuan mereka.

Awang Jaya menyatakan bahawa belia2 di-negeri ini harus-lah bershukor atas kemudahan2 yang telah di-berikan oleh kerajaan.

"Dengan ada-nya Pusat Belia di-negeri ini kita telah dapat meyakinkan beraneka chorak persembahan yang di-anjorkan oleh Persatuan2 Belia", tegas beliau.

Beliau akhir-nya menyeru kepada anggota belia supaya mengambil bahagian dalam lain2 lapangan yang bukan hanya di-anjorkan oleh persatuan mereka sendiri seperti menyertai dalam perayaan2, peraduan2 dan sukan.

Di-antara yang beruchap di-majlis itu ia-lah Yang Di-Pertua Persatuan KEMUKA, Awang Yassin bin Hassan.

## Dua orang pegawai bomba hadhiri kursus di-H.K.

**BERAKAS.** — Dua orang pegawai penolong balai Pasokan Bomba semalam telah berlepas ka-Hongkong kerana kursus latehan pegawai selama enam bulan, di-Sekolah Latehan Perkhidmatan Bomba di-pulau itu.

Mereka ia-lah Awang Mohamed Jahari bin Ahad dan Awang Zaidi bin Daud. Kedua2 orang pegawai itu akan mempelajari tentang pentadbir-

an dan lain2 perkara mengenai perkhidmatan bomba.

Dua orang lagi pegawai dari jabatan itu juga telah berlepas ka-Malaysia Barat semalam kerana kursus selama tiga bulan di-Sekolah Latehan Pasokan Bomba di-Gombak dekat Kuala Lumpur.

Mereka ia-lah Awang Daud bin Shawal dan Awang Ahmad bin Yusof.

## Pesta Aneka Irama di-Pusat Belia

**BANDAR BRUNEI.**—Badan Hadrh Tunas Raja Muda merancang hendak menganjorkan Pesta Aneka Irama yang berupa peraduan2 nyanyian pada 30 Mei.

Lain2 achara yang akan di-persembahkan dalam pesta itu termasuk persembahan pentas dan tarian asli.

Setia Usaha Pesta itu Awangku Petra bin Pengiran Mohamed Yassin berkata, peraduan2 itu terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan, maktab2 dan orang perseorangan di-Daerah Brunei/Muara.

Borang2 untuk memasoki peraduan itu boleh di-dapati dari Awangku Petra dari Jabatan Odit, Awangku Metarsad bin Pengiran Metassan, di alamatkan Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awangku Tajuddin bin Pengiran Mohamed dari Jabatan Hal Ehwal Uga-ma, Awangku Shamsuddin bin Pengiran Mohamed Salleh Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara, dan Awangku Ali bin Pengiran Tuah dari Maktab SOAS Bandar Brunei.

Borang2 yang telah di-isikan mesti-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15 Mei.

## Sambutan ke-60 tahun

**BANDAR BRUNEI.** — Pertubohan Pandu Puteri Daerah Brunei merancang hendak merayakan hari ulang tahun yang ke-60 pergerakan Pandu Puteri Dunia dengan satu perjumpaan di-Bandar Brunei dalam bulan Jun tahun ini.

Kira2 dua ratus orang pandu puteri akan mengambil bahagian dalam perhimpunan itu.

Achra2 yang akan di-persembahkan termasuk nyanyian dan tarian asli.

Sa-orang juruchakap bagi pertubohan itu berkata, pertubohan itu sekarang membuat rancangan bagi perhimpunan itu.

**B**AHAWA shari'at Islam telah membawa peratoran2 bagi penyusunan peratoran hidup manusia di-dalam dunia, samada pada perkara2 ibadat, pergaulan sa-hari2, adab perandai dan lain2 lagi supaya umat Islam itu sempurna, terator dan menjadi umat yang baik dan di-pandang tinggi oleh umat2 lain.

Shari'at Islam meletakkan atoran itu dengan ketetapan waktu dan masa yang lengkap saperti waktu sembahyang, ada waktu wajib, waktu abdal atau sunat makroh dan sa-bagai-nya. Waktu berjemaah atau sembahyang Juma'at sa-minggu sa-kali dan waktu haji pula sa-tahun sa-kali dan sa-terus-nya.

Jika kita halusi akan keadaan shari'at Islam itu nescaya kita dapati penoh dengan peratoran2 dan ajaran2 bagi menyusun dan memandu sekalian manusia pada tiap2 peringkat gulongan jalan kebajikan.

Alham-dulilah, pada masa ini umat Islam telah sedar dan merasa bertanggung-jawab dan memandang berat di-atas kewajipan2 mereka terhadap ugama-nya walau pun maseh belum dapat di-banggakan, tetapi kita bershukor dan berdo'a ka-hadharat Allah subahanahu-wata-ala moga2 saudara2 kita yang maseh belum insaf itu akan mendapat taufik daripada Allah.

Apa yang di-maksudkan ialah tiap2 hari Juma'at umat Islam telah sedar dengan mendalam-nya bahawa hari Juma'at itu ada-lah satu kewajipan di-atas mereka pergi ka-masjid kerana sembahyang Juma'at. Sa-bagaimana maksud ayat Al-Quran di-dalam Suratul Juma'at ayat 9 menyatakan bahawa:

"Wzhai orang2 yang beriman, apabila kamu di-seru untok bersembahyang Juma'at, maka hendak-lah kamu bersegera mengingat Allah dan tinggalkan-lah berjual beli, yang demikian ada-lah lebeh baik bagi kamu jika kamu mengetahu".

Sa-bagaimana yang di-sebutkan tadi bahawa shari'at Islam dengan peratoran2 yang lengkap termasuk-lah beribadat, maka di-dalam mengerjakan Juma'at ini dari masuk ka-dalam masjid mendengar khutbah, hingga-lah salam ada dengan peratoran2-nya, maka hendak-lah di-ikut jika kita mahukan Juma'at itu sempurna, di-antara-nya telah di-ingatkan oleh 'Bilal' sa-belum khutbah di-bachakan ia-itu di-minta sidang Juma'at berhenti daripada berkata2 dan hendak-lah mendengar khutbah, kerana khutbah dan pendengar khutbah oleh para jemaah itu ada-lah satu daripada syarat Ju-

# SHARI'AT ISLAM MEMBAWA PERATORAN2 HIDUP MANUSIA

## KHUTBAH JUMA'AT

Sidang Jumaat di-seru supaya mengikut peratoran dan duduk di-dalam masjid dengan adab dan khusu

ma'at dan siap2 yang berchakap2 semasa khutbah di-bachakan maka Juma'at tidak sempurna.

Maka oleh yang demikian ada-lah di-serukan kepada sekalian jemaah dan sidang Juma'at sekalian hendak-lah

### Maktab Perguruan Ugama siap bulan depan

**BANDAR BRUNEI.** — Brunei akan mempunyai sa-buah maktab perguruan ugama apabila pembenaan rangkaian bangunan-nya siap dalam bulan depan.

Maktab itu akan mempunyai sa-buah bangunan sekolah yang mengandongi 10 buah bilek darjah bagi 300 orang penuntut dan sa-buah dewan di-kawasan maktab itu.

Dewan yang boleh menampung sa-ramai 800 orang mempunyai sa-buah pentas besar yang di-lengkapkan dengan bilek2 persalinan pakaian dan kemudahan2 lain.

Bangunan yang menarek

### Melawat pusat pertanian B.S.P.

**SINAUT.** — Satu rombongan sa-ramai 20 orang penuntut kelas dewasa darj Sekolah Melayu Dato Mahawangsa di-Lambak, melawat Pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell di-Sinaut pada hari Khamis lepas.

Rombongan pelajar itu telah di-sertai oleh guru mereka Awang Ahmad bin Haji Mohiddin.

tiap2 orang menjaga tata tertib berjuma'at moga2 Juma'at kita tidak di-hitong yang tidak sempurna.

Guru2, ibu-bapa dan sidang Juma'at hendak-lah bekerja sama memberi ingat kepada murid2 mereka atau anak2 meka sa-belum pergi Juma'at supaya mengikut peratoran dan duduk di-dalam masjid dengan adab dan khusu. Moga2 apa yang di-maksudkan hadir bersembahyang Juma'at itu akan dapat di-nekmati di-samping menanamkan rasa tanggungjawab terhadap ugama-nya dan menguatkan iman kepada Allah dengan mengambil perhatian dan beramal dengan nasihat2 yang di-berikan di-dalam khutbah Juma'at pada tiap2 minggu itu.

Di-samping mendengar khutbah dan menjauhkan daripada berkata2 sa-masa khutbah di-bachakan, baris2 saf tidak-lah kurang penting-nya di-dalam mengerjakan ibadat Juma'at ini. Hendak-nya jangan-lah takut berdiri di-saf hadapan atau di-sebelah sa-seorang lain dalam memenohkan saf, kerana saf sangat di-jaga oleh Rasulullah s.a.w. semasa baginda menjadi imam dan memberi amaran dengan sabda-nya yang bermaksud:

"Bahawa betulkan-lah barisan saf kamu, maka sa-sungguh-nya membetulkan barisan saf itu sa-bahagian daripada mendirikan sembahyang. Dan telah di-riwayatkan bahawa Rasulullah pernah datang ka-dalam saf2 dan membetulkan di-antara dada2 dan bahu2 para jemaah."

Dari itu ada-lah di-ingatkan kepada sekalian kaum muslimin khas-nya para sidang hadirin hendak-lah menjaga tata tertib berjemaah dan menjaga saf2 di-dalam sembahyang berjemaah. Moga2 kita sekalian berjaya di-dalam hidup di-dunia dan berbahagia di-akhirat, amin ya rabbul alamin.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22 April 1970 hingga ka-hari Selasa 28 April 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh
22 April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
23 April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
24 April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
25 April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
26 April	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
27 April	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-45	6-09
28 April	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



22hb. April, 1970.

## TITAH PENTING

**T**ITAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika merasmikan pembukaan Kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama yang baru lalu ada-lah amat penting di-perhatikan oleh semua pehak, bukan hanya di-kalangan pegawai2 dan guru2 uagama sahaja.

Dalam titah itu, Baginda telah menampakkan sifat2 kasih sa-orang Raja terhadap raayat dan negara dan chita2 yang iuhor untuk pembelaan raayat yang dengan sendiri-nya akan dapat meninggikan imej negara di-kalangan dunia antara bangsa.

Ini dapat di-yakini dari titah Baginda yang berbunyi: "Allah menjadikan beta, Sultan yang memerintah, bertanggung-jawab, berusaha, berikhtiar ka-arrah kebajikan untuk mentadbir Negeri Brunei ini ka-arrah keselamatan, keamanan, ketenteraman pada melailakan jenis laila mutu pelajaran, kesihatan dan culture".

"Brunei Darussalam ada-lah mempunyai berjenis isi di-dalam-nya — yang baik berkehendakkan belaan baik".

Ini juga dapat membayangkan betapa pendirian Baginda untuk benar2 melaksanakan hasrat yang suci murni itu, lebeh2 lagi untuk membawa Negeri Brunei ini ka-arrah kemajuan dan perkembangan yang penoh berarti yang di-redhai Allah atas dasar pelaksanaannya kerana Allah.

Untuk kejayaan hasrat Baginda ini ada-lah samestinya di-laksanakan dengan penoh kejujuran atas pendapat2 yang membena, churahan tenaga yang benar2 ahli dalam satu2 jurusan, pengetahuan yang men-chukupi dan pembawaan2 yang di-linggankan atas kejujuran dan amanah demi untuk kebaikan dan kebahagiaan raayat dan negara. Churahan khidmat yang lebeh mementingkan kepada untong negara dan isi di-dalam-nya ada-lah sa-mulia2 khidmat yang akan menjadi kenangan baik orang dan lebeh mulia lagi di-sisi Tohan.

Huraian di-atas ada-lah berpandukan kepada titah Baginda yang berbunyi: "Berpandukan dari segi laila pendapat tenaga, pengetahuan dan laila pembawaan yang bijak saling memahami ada-lah merupakan sebab2 penting tercapai-nya beberapa kemajuan dan perkembangan".

Menarek perhatian atas titah Baginda yang menekankan kepada memereksa semula amalan kita — adakah maseh baik lagi atau tidak sesuai di-pergunakan — hendak-lah di-sifatkan oleh semua pehak sa-bagai satu ingatan yang penting dalam melaksanakan satu2 kerja, apalagi yang melibatkan negara dan isi di-dalam-nya.

Ada-lah perlu bagi kita mengukuhkan kesedaran demi mendukung chita2 baginda yang suci itu — demi kepentingan bangsa dan keselamatan negara yang pada asas-nya merupakan tanggung-jawab kita bersama.

Maka semua tenaga dan daya fikir dengan khidmat2 yang di-churahkan kerana Allah dan kepentingan negara sa-mestinya di-tempatkan sa-bagai suatu topik yang utama.



**Titah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam majlis pembukaan rasmi Kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama, di-Dewan Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah pada hari Sabtu, 18hb April, 1970.**

**A**SSALAM mualaikum wa-rahmatullahi wa-barkatuh, "Beta menguchap shukor dan pujian terhadap Allah, selawat dan salam ka-atas Junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. serta keluarga dan para sahabat sekalian.

Alhamdulillah dengan taupik dan hidayah Tuhan semesta alam pada pagi yang bertuah ini dapat-lah Beta hadir bersama2 para hadirin di-dalam majlis pembukaan rasmi Kursus Pegawai2 Uagama dan Guru2 Uagama kali yang ke-8 di-dewan yang berkat ini.

Terlebeh dahulu beta menguchapkan terima kasih kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama selaku pengurus jawatankuasa kursus ini serta sekalian ahli jawatankuasa atas kesudian menjemput beta hadir dan akan merasmikan pembukaan kursus ini. Beta ingin menyatakan amat-lah sukachita beta hadir di-majlis ini dan dapat-lah beta bertemu muka dengan para peserta kursus yang terdiri dari pegawai2 uagama yakni Pehin2 Pegawai sa-bagai empat menteri uagama, empat Pehin2 Khatib2 yang berchiri, Mudim empat yang bergelar menurut adat mengandong adab, dan pegawai2 serta Bilal2 masjid daerah, kampong2, mukim di-pencalaman2 daratan yang bertauliah di-seluruh negeri. Guru2 uagama yang ramai berkhidmat pada kerajaan beta untuk mendidik dan mengajar anak2 di-negeri kita Brunei ini yang mana dengan berkat perjumpaan di-dalam majlis ini beta berharap akan lebeh2 lagi menambah erat ikatan yang sedia terjalin di-antara beta dengan pegawai2 yang sentiasa menjadi ingatan dan ingatan beta.

Para hadirin dan peserta sekalian.

Ada-lah beta di-fahamkan kursus kali ini telah di-beri bentuk dan chorak yang agak berlainan sedikit dari kursus2 yang pernah di-adakan bagi pegawai2 dan guru2 uagama semenjak tujuh kali dahulu. Kursus kali ini di-laksanakan berupa kelas2 ulang kaji beberapa perkara atau mata pelajaran yang tertentu yang mustahak bagi pegawai2 itu dalam hubongon tugas jawatan mereka. Beta perchaya dan harap perubahan chorak kursus itu adalah berupa suatu perubahan yang mendalam dan meluas menurut laila aliran.

Kursus seperti ini hendaknya pada fikiran beta di-sifatkan kursus permuzakarah pada mendedahkan telinga mendengar sharahan orang yang terpelajar dan laila berpengalaman untuk menambah laila mata pelajaran. Beta akan memandang dengan penoh keperchayaan bahawa chorak yang di-beri kepada kursus pegawai2 dan guru2 uagama tahun ini akan lebeh merupakan usaha yang praktikal kerana tujuan-nya yang bersungguh2 mengulang kaji pelajaran uagama dan chara pendidekan serta menyampaikan kesedaran beragama itu harus-lah sentiasa di-sesuaikan dari sa-suatu masa ka-suatu masa umpama memereksa semula amalan kita adakah maseh baik lagi atau sudah rosak tidak baik di-pergunakan.

Kursus ulang kaji dan menambah pengetahuan seperti ini adalah sesuai dengan hasrat uagama Islam yang amat mementingkan ilmu yang lebeh tinggi hingga Junjongan kita pernah bersabda maksud-nya: "tuntutlah ilmu sejak dari dalam buaian hingga kaliah lahat.

Mengambil peluang ini beta menguchapkan tahniah kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama dan pegawai2 pentadbir di-jabatan Uagama atas inisiatif yang berfaedah yang telah di-usahkan bagi mengadakan kursus seperti

ini seperti yang di-adakan tahun ini. Dan kepada sekalian pegawai2 dan guru2 uagama yang mengambil bahagian beta yakin mereka akan bersungguh2 mendalami segala perkara yang di-beri dalam kursus ini.

Para hadirin dan peserta2 yang berbahagia.

Beta sunggoh merasa sukachita dan akan merasa senang laila sukachita lagi mengikuti perkembangan2 yang baik di-dalam pentadbiran uagama khas-nya laila afdal perkembangan pelajaran2 uagama di-seluruh Negeri Brunei yang di-kasehi ini.

Beta ingin menyatakan bahawa kejayaan di-lapangan pelajaran yang tercapai hingga hari ini Uagama Islam ada-lah merupakan suatu kejayaan bagi perpaduan yang kokoh dan kerja keras serta chita2 yang ikhlas dari seluruh pegawai2 dan guru2 Uagama di-negeri ini.

Berpandukan dari segi laila pendapat tenaga, pengetahuan dan laila pembawaan yang bijak saling memahami ada-lah merupakan sebab2 penting tercapai-nya beberapa kemajuan dan perkembangan.

Allah menjadikan beta Sultan yang memerintah, bertanggung jawab berusaha, berikhtiar ka-arrah kebajikan untuk mentadbir Negeri Brunei ini ka-arrah keselamatan, keamanan, ketenteraman pada melailakan jenis laila mutu pelajaran, kesihatan dan culture.

Brunei Darussalam ada-lah mempunyai berjenis isi di-dalam-nya yang baik berkehendakkan belaan baik. Beta berdo'a semoga pegawai2 Uagama yang telah berkhidmat kerana Allah dengan memberikan segala daya tenaga mereka sa-bagai asas kejayaan yang tercapai hari ini. Pada akhir-nya beta berdo'a semoga kursus ini akan berjaya menghasilkan laila mutu pelajaran dan laila mata ilmu pengetahuan kerana laila terpelajar mempunyai laila ilmu pengetahuan tidak akan lakap di-badan. Beta pernah mendengar Paduka Ayahanda berkata "Harta yang tidak berzakat kalau tidak hilang terchichir."

Oleh yang demikian beta berdo'a mudah2an Allah subahan - nahu wataala mengurniakan taufik dan hidayah-nya pada kita sekalian.

Dengan rasa sukachita beta merasmikan pembukaan kursus pegawai2 Uagama dan guru2 Uagama sa-negeri Brunei kali yang ke-8 dengan menguchap bismillah hirrahman nir rahim, sekian terima kasih.

# BANCHI PENDUDOK AKAN DI-JALANKAN TAHUN INI

BANGKOK. — Brunei akan menjalankan banchi kiraan penduduk negeri dalam tahun ini dan telah meminta ECAFE memberikan perkhidmatan saorang penasihat banchi.

Ini telah di-nyatakan oleh Pehin Datu Saudagar Derma Laila Dato Seri Laila Jasa Lloyd Dolbey, ia-itu salah sa-orang dari tiga orang anggota perwakilan Brunei kasing tahunan ECAFE di-Bangkok.


Beliau berkata, dengan menyedari betapa mustahak-nya mengetahui jumlah penduduk bagi membuat rancangan sosial dan ekonomi, Brunei telah memutuskan untuk mengadakan banchi dalam tahun ini.

Beliau menambah, satu peruntokan telah di-buat bagi banchi itu.

Pehin Datu Saudagar Derma Laila meminta ECAFE supaya memberi bantuan teknikal yang terus menerus memandangi kepada kekurangan pegawai2 yang terlatah bagi menjalankan kerja2 membanchi.

Sementara usaha bagi pengambilan sa-orang penasihat banchi sedang di-jalankan, kata beliau, kerajaan berharap akan mendapatkan perkhidmatan sa-orang penasihat sarantau atau antara rantau bagi membolehkan-nya membuat persiapan2 segera yang perlu bagi kerja2 membanchi itu.

Wakil Brunei itu telah mengucapkan terima kasih kepada ECAFE kerana memberikan perkhidmatan penasihat2 sarata yang telah di-terima khas-nya dalam lapangan bilangan penduduk negeri, demograpfi dan perkembangan sosial.



Awang K. V. Reddy, Setia Usaha Perhimpunan Belia Sa-Dunia bagi Asia (di-tengah2) bergambar bersama dengan pegawai2 Majlis Belia2 Negeri Brunei sa-belum beliau berlepas meninggalkan lapangan terbang pada pagi semalam.

Dari kiri: Awang Ya'akub bin Ahmad, Setia Usaha Agong MBB, Awang Jaya bin Abdul Latif, Naib Yang Di-Pertua MBB, Awang Yahya bin Yusof dan Ak. Mohd. Yusof bin Pengiran Anak Hashim.

Awang Reddy telah mengadakan lawatan ka-negeri ini selama empat hari.

## Penuntut2 Maktab SOAS tinjau kegiatan2 AMDB

BERAKAS. — Kira2 lima puluh orang penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei telah melawat khemah Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas pada hari Isnin lepas.

Mereka telah di-sambut di-khemah itu oleh Pegawai Penerangan Captain G. T. Mills, Lt. Abdul Rahman dan Lt. N. Cann yang memandu mereka dalam lawatan itu.

Mereka telah di-bawa kabilek makan di-mana mereka mendengar ucapan dari Pegawai Pemerintah Colonel J. J. Simpson dan adjutan Captain Musa bin Ya'akub.

Lawatan mereka termasuk ka-bahagian udara, barisan pengangkutan, workshop, dan ibu pejabat pasokan itu.

Mereka juga melihat pertunjukan menggunakan sen-

jata rengan dan mariam katak dan pertunjukan pancharagam oleh pasokan pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Kemudian-nya penuntut2 itu melawat pengkalan laut paokan itu di-Muara.

## Dua buah asrama akan siap tidak lama lagi

BANDAR BRUNEI. — Dua buah blok asrama yang baru bagi SMJA Puser Ulak di-Bandar Brunei akan siap dalam masa tiga bulan lagi.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran berkata, hanya kerja2 kecil maseh lagi belum siap dan ini melibatkan membersekhkan tapak, meratakan tanah dan menaam rumput di-halaman dan pembinaan sa-batang jalan masuk ka-bangunan2 itu.

Asrama2 itu, sa-buah untuk murid2 perempuan boleh menampung 150 orang tiap2 satu.

Selain dari tempat2 tidur, tiap2 asrama itu mempunyai sa-buah bilek makan, dapur, tempat menyuci kain dan rumah2 bagi penjaga2 asrama dan 16 orang guru.

Asrama2 itu akan memberikan tempat tinggal bagi murid2 dari sekolah2 Menengah Melayu, Maktab SOAS dan STPR1 yang tidak mendapat tempat di-Asrama yang ada sekarang.

## Tarikh penutup bagi menyertai perlawanan badminton di-lanjutkan

LAMBAK — Persatuan Kebajikan Kampong Lambak satakak ini telah mendaftarkan sembilan pasokan yang akan menyertai perlawanan Badminton antara Persatuan2 Belia Daerah Brunei/Muara dan Temburong.

Perlawanan itu di-adakan adalah sa-bagai sa-bahagian dari acara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada bulan Julai hadapan.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata untuk memberi peluang supaya lebih banyak lagi persatuan2 yang turut mengambil bahagian, maka tarikh penutup mengembalikan borang2 itu di-lanjutkan

lagi sa-hingga 30 April ini.

Borang2 itu boleh di-kembalikan kepada Awang Abdul Rahim bin Mat Walli di-Radio Brunei dan Awang Serudin bin Tarif di-Pejabat Daerah Temburong.

## Perkhemahan pengakap Daerah Brunei—Muara

GADONG. — Kira2 500 orang pengakap dan Guru Pengakap dari 16 pasokan di-Daerah Brunei Muara telah menyertai perkhemahan tahunan selama empat hari di-tapak perkhemahan Pengakap di-Gadong.

Ia-nya di-rasmikan pembukaan-nya oleh Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim, sa-

orang pegawai pentadbir di-Pejabat Daerah Brunei Muara bagi pehak Pegawai Daerah Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim yang tidak dapat hadir.

Awang Zainal juga menyampaikan sa-keping cek yang didermakan oleh Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman

kapada Tabong Bangunan Ibu Pejabat Pengakap.

Di-antara yang melawat khemah itu pada hari Ahad ialah Awang K. V. Reddy, Setiausaha Daerah Perhimpunan Belia Sa-Dunia bagi Asia, Awang Ya'akub bin Ahmad, Setiausaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei, Pegawai2 kerajaan, ibu bapa2 dan penjaga2 pengakap.

## Lebih 250 orang ingin bertanding

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Melayu Radio Brunei telah menerima kira2 250 orang peserta dari Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Belait yang ingin masuk bertanding dalam Pertandingan Bintang Radio 1970.

Dari jumlah tersebut, sa-ramai 200 orang dari Daerah Brunei-Muara, 35 dari Daerah Belait dan 20 dari Daerah Tutong.

Sa-orang juruchakap jawatan-kuasa pertandingan berkata, pertandingan peringkat daerah akan di-adakan sa-belum pertandingan peringkat negeri di-adakan.

Pertandingan itu akan di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu Bahagian Langgam dan Bahagian Asli.

## Hari Pelajar sekolah2 Melayu dalam bulan Jun

BANDAR BRUNEI. — Hari Pelajar tahunan bagi sekolah2 Melayu di-Brunei, akan di-buka dengan di-adakan satu perhimpunan di-padang SMJA Bandar Brunei pada 6 Jun hadapan.

Sembilan pasokan pelajar yang di-pilih, termasuk dua dari Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara dan Sekolah Menengah Melayu SMJA akan menyertai perhimpunan yang

### 12 orang pengakap S.M. Muda Hashim mendaki gunung Kinabalu

TUTONG. — Satu rombongan seramai 12 orang pengakap dari pasokan kedua asrama Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong telah berlepas ka-Kota Kinabalu pada 20 April lepas untuk mendaki gunung Kinabalu.

Rombongan itu di-ketuai oleh Che'gu Ajamain bin Jais dan Che'gu Abdul Aziz bin Haji Daud.

Sa-orang juruchakap rombongan itu berkata, ada-lah pertama kali-nya pengakap2 dari pasokan itu akan melakukan pendakian, yang menjadi satu daripada projek tahunannya.

Kata-nya, pasokan itu juga merancang akan menghantarkan dua orang wakil ka-Jamboree yang akan di-adakan di-Melaka dari 29 Julai hingga 4 Ogos tahun ini.

Dalam bulan Februari lalu, tiga orang ahli Perkumpulan Wanita Brunei, ia-itu Dayang Rogayah binte Abdul Rahman, Dayang Kirrhope dan Dayangku Azizah binte Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apung telah berjaya mendaki gunung Kinabalu yang paling tinggi di-Borneo itu.

menandakan bermula-nya Hari Pelajar itu.

Kemunchak dari perhimpunan itu ia-lah pertunjokkan tari-an2 asli oleh kanak2 sekolah.

Peserta2 dalam perhimpunan itu juga akan mempersembahkan pertunjokkan yang berbong dengan kerja2 mereka di-sekolah saperti ilmu kesihatan, ilmu alam dan kira2.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, Hari Pelajar akan di-sambut sa-chara berasingan oleh sekolah2 di-seluruh negeri, dengan tarikh yang berlainan.

Semasa Hari Pelajar ibu2 bapa dan penjaga kanak2 adalah di-persilakan melawat ka-sekolah bagi menyaksikan sendiri pekerjaan anak2 mereka.

Ibu2 bapa dan penjaga kanak2 juga boleh membuat pengaduan atau chadangan bagi memperbaiki taraf pelajaran apabila mereka melawat ka-sekolah2 pada hari itu.


### Malam Pesta Belia anjoran P.K.K.S.B.

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Kebajikan Kampong Sumbiling Baru menjemput kugiran2 dan penyanyi2 untuk bertanding dalam Malam Belia yang akan di-adakan pada 31 Mei.

Sa-orang juruchakap bagi persatuan itu berkata hari ini sa-lain dari peraduan musik dan nyanyian peraduan pakaian asli juga akan di-adakan pada malam itu.

Persatuan2 belia yang ingin hendak mengambil bahagian dalam peraduan itu hendak-lah membuat permohonan dengan borang2 yang boleh di-dapati dari Awangku Haji Mohamed bin Pengiran Haji Chuchu dari Pejabat Sukatan dan Timbangan atau Awangku Mohamed

## BARANG2 MUZIUM BRUNEI.....1



Nama: Chalapa.

Bahan: Di-perbuat dari-pada tembaga berchampur sedikit besi (iron).

Penerangan: Chalapa berbentuk lapan segi ini biasanya di-gunakan untuk menyimpan tembakau (di-gelar Sigup Brunei), sireh dan anak2 chalapa yang mengandongi kapur, pinang dan gambir. Chalapa berbentuk saperti ini hanya untuk kegunaan sa-harian dan tidak dalam majlis yang beradat. Chalapa jenis ini maseh lagi di-gunakan oleh orang2 tua khas-nya yang tinggal dikampung2.

Barang ini telah di-beli dalam tahun 1952.

Sukatan: Lebar 7 inchi dan tinggi 4½ inchi.

### Hakim Besar melawat muzium

BANDAR BRUNEI. — Hakim Besar Brunei Sir Ivo Charles Clayton Rigby dan Pendaftar Mahkamah Tinggi Hong Kong Tuan E. R. Haydon telah melawat muzium Brunei pada hari Ahad lepas.

Sir Ivo dan Tuan Haydon telah di-temani dalam lawatan itu oleh pemangku timbalan pendaftar Mahkamah Tinggi Brunei, Awang

Low Kit Lui.

Ketibaan mereka di-sambut oleh Penyelenggara Muzium, P. M. Sharifuddin yang kemudian-nya membawa pelawat2 itu ka-bangunan Muzium Brunei yang sedang dalam pembinaan di-Kota Batu.

Mereka juga melawat makam Sultan Bolkia di-Kota Batu.

## SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## SA-BAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK, J. K. R.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan untuk jawatan2 Ketua Pembantu Teknik di-Jabatan Kerja Raya, Brunei (2 jawatan).

**Umor:**  
35 hingga 55.  
**Kelayakan2:**  
Diploma dalam Kejuruteraan Awam daripada Maktab Teknik, Kuala Lumpur, atau pun kelayakan yang sa-banding daripada sa-buah institute yang sa-taraf.  
**Pengalaman:**  
Selain daripada mempunyai pengalaman kerja2 kejuruteraan awam am, chalu2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam sesuatu jawatan yang bertanggung-jawab menjalankan tugas2 yang sama dengan tugas2 bagi kedua jawatan kosong ini.

**Jawatan 1.** Membantu dalam kerja2 dan pemeliharaan Saliran Najis Bandar Brunei, yang meliputi puti sewers, rising mains, pumping stations dan kerja2 pembersihan yang mudah menggunakan sedimentation tanks, detritors, dan communitors.  
**Jawatan 2.** Membantu dalam kerja2 dan pemeliharaan bekalan ayer Kuala Belait, yang akan kemudiannya mempunyai sa-buah 6 m.g.d. kemudahan penapisan yang moden.

**Gaji:**  
Dalam sukatan gaji C3 EB4 — B\$930 x 30 — 1050/EB/1080 x 30-1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.  
**Sharat2 Lantekan:**  
Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

**Baksis:**  
Bagi sa-orang chalu2 yang di-

lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

## Sa-bagai Penolong Jurukira

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada orang2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 Penolong Jurukira di-Pejabat Perbendaharaan Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan2:**  
Pemohon2 hendak-lah telah tamat sekolah menengah dan mempunyai Certificate of Competency in Book-keeping R.S.A. Stage III atau kelayakan yang sa-banding atau pun lulus peperiksaan Intermediate bagi kelayakan kira2 yang di-iktiraf atau pun mempunyai Diploma in Business Studies.

**Gaji:**  
Dalam sukatan gaji B1 — B\$630 x 30 — 990. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Perkhidmatan:**  
Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

**Baksis:**  
Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

**Chukai Pendapatan:**  
Tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei pada masa ini.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aakuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mei, 1970.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mei, 1970.

## Sa-bagai Tukang Kebun/Pemberseh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Tukang Kebun/Pemberseh di-Balai Polis Lamunin. Hanya orang2 yang tinggal berdekatan dengan Lamunin di-kehendaki memohon.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aakuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 12 Mei, 1970.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aakuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mei, 1970.

## Sa-bagai Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sebagai Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei. Jawatan ini ada-lah bagi Masjid Hassanah Bolkih, Tutong.

Hanya orang2 yang tinggal di-daerah Tutong di-kehendaki memohon:-

- Umor — 20 hingga 45 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah mahir membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardhu Kifayah bila2 masa di-kehendaki.
- Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Gaji:**  
Dalam sukatan gaji U. 2 — \$200 x 10 — 440.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 April, 1970.

**Gaji:**  
Dalam sukatan gaji \$160 x 5 — 175/EB/180 x 5 — 195.  
Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5hb. Mei, 1970.

## Kerani Tentera di-kehendaki

Pasokan Askar Melayu Di-Raja mempunyai beberapa kekosongan sa-bagai Kerani Tentera bagi pengambilan dalam bulan Jun tahun ini. Pemohon2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan ini. Hanya chalu2 yang mempunyai kelayakan saperti berikut di-kehendaki memohon:

\*Pemohon2 hendak-lah dilahirkan di-negeri ini dan raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan yang biasa-nya di-terima sama ada dari puak2 Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong

\*Jika pemohon2 bukan terdiri dari salah satu puak yang di-sebutkan itu, mereka mesti-lah beragama Islam dan mengikut adat istiadat yang di-amalkan di-negeri ini serta mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan.

\*Mereka mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Rendah aliran Inggeris. Umor di-antara 18 hingga 25 tahun dan maseh bujang. Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang dari 110 pound.

Chalu2 yang berjaya akan menjalani latehan tentera di-Bolkih Kem selama enam bulan dan dua bulan latehan asas Kerani Tentera.

Semasa dalam perkhidmatan Kerani Tentera mungkin di-pilih untuk menjalani kursus yang lebih tinggi sama ada dalam pasokan itu atau di-seberang laut.

Keterangan yang lebih lanjut boleh di-dapati dari Adjutan AMDB, Berakas Kem.

Permohonan yang bertulis dengan menyatakan pelajaran yang tertinggi hendak-lah di-hantar kepada Pegawai Pemerintah Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Berakas Kem dan hendak-lah tiba tidak lewat dari 4 Mei, 1970.

## Sa-bagai Tukang Kebun/Pemberseh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan Tukang Kebun/Pemberseh di-Balai Polis Daerah Kuala Belait. Hanya orang2 yang tinggal atau berdekatan di-daerah ini di-kehendaki memohon.

**Gaji:**  
Dalam sukatan gaji \$160 x 5 — 175/EB/180 x 5 — 195.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 April, 1970.

## Sa-bagai Jurukira

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada orang2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 Jurukira di-Pejabat Perbendaharaan dan/atau di-Jabatan2 kerajaan Brunei.

**Kelayakan2:**  
Pemohon2 hendak-lah mahir dalam sistem kira2 belanjawan atau Kerajaan terutama-nya dalam bidang Pengawalan Perbelanjaan, Unallocated and Allocated Stores and Stock Control, dan Kira2 Perniagaan. Mereka mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 kira - mengira di-perengkat penyelia selama sekurang2-nya 5 tahun dalam sa-sabua Jabatan Kerajaan, lembaga bandar yang besar atau pun sa-buah badan berkanun. Mempunyai kelayakan2 kira2 atau setiausaha merupakan satu kelebihan.

**Gaji:**  
Dalam sukatan gaji B2 — B\$1020 x 40 — 1620; atau B2 EB3 — B\$1020 x 40 — 1620/EB/1670 x 50 — 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.  
**Sharat2 Lantekan:**  
Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

**Baksis:**  
Bagi sa-orang chalu2 yang di-

## SIR DENNIS WHITE DI-ANUGERAHKAN GELARAN 'PEHIN'

**BANDAR BRUNEI.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menganugerahkan gelaran Pehin kepada Dato Seri Utama Sir Dennis Charles White dalam satu istiadat yang berlangsung di-Lapau Bandar Brunei pada hari Isnin lepas.

Dato Seri Utama Sir Dennis Charles White sekarang di-kenali sa-bagai **Yang Di-Mulia-kan Pehin Orang Kaya Datu Patinggi Maha Kornia Di-Raja.**

Pehin Orang Kaya Datu Patinggi Maha Kornia Di-Raja Dato Seri Utama Sir Dennis White ia-lah bekas British Resident Brunei dalam tahun 1956 dan dari bulan Julai 1958 hingga 1959.

Apabila perlembagaan baru bagi Brunei di-Istiharkan dalam bulan September tahun 1959, Pehin Datu Patinggi Maha Kornia Di-Raja telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi British yang pertama di-Brunei dan menyandang jawatan itu hingga tahun 1963.

Pehin Dato Patinggi Maha Kornia Di-Raja sekarang adalah menjadi wakil Kerajaan Brunei di-United Kingdom.

Chiri gelaran dalam istiadat tersebut telah di-bachakan oleh Mudim Awang Mohammad Yusof bin Abdul Latif.

Di-antara pembesar2 negara yang hadir di-istiadat itu termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Ketua2 Jabatan Kerajaan.

## 10 orang di-pilih ka-Perhimpunan Belia Sa-Dunia

**BANDAR BRUNEI.**—Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menghantar sa-ramai sa-puluh orang ahli2 persatuan belia untuk mewakili Brunei ka-Perhimpunan Belia Sa-Dunia yang akan di-adakan di-negeri Jepun dalam bulan Julai hadapan.


Rombongan itu akan di-Ketuai oleh Setia Usaha M.B.B., Awang Ya'akub bin Ahmad.

Sa-orang juruchepak M.B.B. berkata, Perhimpunan Belia Sa-Dunia itu di-adakan semasa pameran Expo 70 di-Osaka maseh berlangsung.

Beliau berkata, nama2 belia yang telah di-pilih itu akan di-umumkan dalam bulan depan.

Dalam perhimpunan itu nanti, wakil2 Brunei itu akan mengadakan persembahan seperti tarian dan nyanyian asli dan panchak silat.

Pehin Datu Patinggi Maha Kornia Di-Raja sedang berjabat salam dengan D.Y.M.M. setelah istiadat mengurniakan gelaran di-langsungkan.



## Laporan penyiasatan kebolehan tanah sedang di-kaji

**BANGKOK.** — Kerajaan sedang mengkaji laporan penyiasatan kebolehan tanah, dengan tujuan bagi mengujudkan rancangan2 yang sesuai, bagi perkembangan pertanian dan penggunaan tanah di-Brunei.

Ini telah di-nyatakan oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail, dalam ucapannya di-persidangan tahunan ECAFE di-Bangkok.

Penyiasatan itu meliputi seluruh negeri, dan laporan-nya mengandungi ma'lumat2 mengenai kekayaan bumi, termasuk jenis tanah dan bentuk-nya, jenis kehutanan umum dan lain2 faktor yang berkesan terhadap kebolehan penggunaan tanah.

Penyiasatan itu telah dijalankan dengan bantuan sa-orang pakar Pertubuhan Makanan dan Pertanian, — FAO

yang telah bertugas sa-bagai sa-orang pegawai perhubungan teknikal, di-antara kerajaan dan sharikat yang di-tugaskan, untuk menjalankan penyiasatan itu.

Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Momin berkata, tidak terdapat perkembangan pertanian yang begitu berkesan, bagaimana pun hasil bagi tiap2 satu ekar telah bertambah sedikit.

Angka ini maseh jauh di-bawah angka standard yang biasa, dan Brunei maseh terus membawa masuk keperluan beras-nya dari negeri Thai.

## Filem kedua J.P.P. akan di-tayangkan ka-kampong2

**BANDAR BRUNEI.** — Filem kedua yang di-terbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei sedang di-peredarkan untuk di-tayangkan di-kampong2. Filem tersebut ada-lah mengandungi berita2 mengenai perlumbaan basikal jarak jauh yang di-anjarkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei, barisan tamat latehan rekrut2 Askar Melayu Di-Raja Brunei dan pembukaan Pusat Belia.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa filem ketiga Jabatan Penyiaran dan Penerangan mengenai Istiadat Mengarak Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohamad Bolkiah akan mula di-tayangkan kepada orang ramai pada awal bulan Mei hadapan.

## Kursus Ugama

(Dari Muka 1)

Dengan yang demikian, beliau berharap agar kursus kali ini akan merupakan sa-benar2nya kursus atau Darjah Ulang-kaji dan akan mendatangkan lebeh munafa'at dan lebeh berkesan daripada kursus yang pernah di-adakan pada tahun2 yang lalu.

Yang Amat Mulia itu berkata, kursus tersebut di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu:

(a) Bahagian Pegawai2 adalah mengandungi Imam2, Kha-tib2, Bilal2, Marbut2, Merinyu2 Ugama dan Penolong2 Setia Usaha serta pesharah2 dari Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama.

(b) Bahagian guru terdiri dari Guru2 Besar Ugama, Guru2 Penolong, guru2 terlatah, khas-nya guru2 terlatah dari anak2 tempatan, guru2 ugama yang mengajar di-sekolah2 menengah kerajaan yang menjadikan pelajaran Ugama sa-bagai satu mata pelajaran di-sekolah2 itu.

Kursus itu mengandungi cheramah2 yang antara-nya mengenai dengan Ilmu Fikah, Tauhid, Tafsiran Quran dan Hadith serta Ilmu Pendidikan yang di-sampaikan oleh pesharah2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan pencheramah2 khas.

Lima orang pesharah khas telah di-undang untuk memberikan cheramah umum. Mereka ia-lah Dr. Sulaiman bin Haji Daud yang memberikan cheramah mengenai kesihatan, Awang Abdul Aziz Umar Al-Haj — ekonomi; Awang Hashim Haji Tahir mengenai pendidikan, Awang Ibrahim bin Tinggal mengenai pentadbiran dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin mengenai Adat Istiadat.

Sa-ramai lebeh kurang 300 orang pegawai dan guru ugama mengikuti kursus yang akan berakhir pada 24 April ini.

Di-antara pembesar2 negara yang hadir dalam majlis pembukaan rasmi itu termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Di-Brunei, Awang A. R. Adair, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Ketua2 Jabatan Kerajaan.